

12 MAR 2002

Mahathir-Kelemahan

DR MAHATHIR BIMBANG SIKAP MASYARAKAT SUKA CARI SALAH ORANG

SHAH ALAM, 12 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kebimbangan tentang sikap masyarakat Malaysia yang hanya suka mencari kesalahan orang lain tanpa menyedari kelemahan diri sendiri dan tidak berusaha untuk memajukan diri masing-masing.

Kebimbangan itu disuarakan oleh Perdana Menteri pada Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2002 yang turut dimuatkan dengan sesi dialog antara beliau dengan peserta.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis yang diadakan secara tertutup itu, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata Dr Mahathir berpandangan sikap kurang berusaha inilah yang menjadi antara sebab kelemahan bangsa.

"Kerana dia mempunyai keyakinan bahawa orang Melayu khususnya boleh sama-sama (maju) dengan orang lain dengan syarat kita rajin berusaha," katanya.

Abdul Aziz berkata Dr Mahathir memberi penekanan tentang perlunya seseorang itu memberikan fokus dan mempunyai sikap bersungguh-sungguh dalam melakukan apa juga perkara.

"Beliau merasakan kita tidak jauh ketinggalan daripada orang lain. Hanya kita tidak memberi masa untuk bersungguh-sungguh dalam satu-satu hal.

"Kalau kita bersungguh-sungguh dan dengan adanya kemudahan terutamanya yang disediakan kerajaan sekarang ini, sudah tentu bangsa kita akan menjadi bangsa yang maju di dunia," katanya.

Abdul Aziz berkata Dr Mahathir turut menyentuh persoalan bagaimana melahirkan warganegara yang baik dan isu pembabitan guru dalam politik.

Antara objektif konvensyen empat hari bertemakan "Kecemerlangan Kepimpinan Pendidikan Asas Kejayaan Wawasan" itu ialah menilai prestasi pendidikan negara dan hala tuju akan datang.

Ia juga bagi merangka strategi memertabatkan profesion perguruan selain merelevankan pendidikan dalam pembinaan dan pembentukan bangsa dan negara.

-- BERNAMA

MAM MAM NMO